

**Gen Y Kuantan Ikrar Sokong Perdana Menteri
Bernama
1 Mei, 2013**

KUANTAN, 1 Mei (Bernama) -- Generasi Y (Gen Y) keturunan Cina berikrar akan berada di barisan hadapan sebagai tanda sokongan kepada Barisan Nasional (BN) yang selama ini berjuang tanpa mengetepikan kepentingan mereka.

Mereka mempunyai persepsi baik terhadap BN di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak meskipun beliau menghadapi pelbagai tohmahan pembangkang.

Lai Wei Lun, 28, yang pertama kali akan mengundi berkata Ahad ini beliau akan menunaikan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia.

Beliau menyokong calon muka baharu bagi kawasan Parlimen Kuantan Datuk Mohamad Suffian Awan dan calon Dewan Undangan Negeri (DUN) Teruntum Datuk Chang Hong Seong.

"Kami golongan muda sudah nampak pelbagai inisiatif yang sedang dan telah dilaksana BN dengan turut memfokus kepada golongan kami. Ini bukti kerajaan prihatin dengan menunjukkan kesungguhan terhadap kami sebagai golongan pencorak masa depan negara," katanya kepada Bernama pada majlis Ramah Mesra Sempena Hari Pekerja yang dihadiri kira-kira 1,800 penduduk di sini Rabu.

Alex Sam, 25, berpendapat GEN Y telah menikmati pelbagai kemudahan serta bantuan daripada BN sekaligus membuktikan kerajaan BN sangat memahami kehendak dan keperluan mereka dari segi pelajaran serta perniagaan.

Katanya bantuan seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Bantuan Lesen 1Malaysia (BL1M) serta Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) untuk GEN Y merupakan bantuan yang julung kali diberikan BN kepada golongan itu.

"Kami akan bangkit bersama calon di sini sebagai tanda sokongan kepada BN pada PRU13 Ahad ini," kata jurujual ini.

Berkongsi pandangan yang sama, Vivian Tan, 23, berkata sebagai GEN Y yang mempunyai semangat berkobar-kobar dan cetusan idea baharu, beliau mengharapkan calon Parlimen Kuantan dan DUN Teruntum meneruskan kesinambungan usaha Najib terhadap golongan tersebut.

Katanya momentum mereka semakin hari semakin teguh terhadap BN kerana mereka sendiri melihat proses transformasi yang dijalankan Najib menerusi slogan 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

"Dengan pelbagai inisiatif yang diberi kerajaan, maka tidak hairan kami akan sentiasa bagi sokongan padu malah kami makin dekat dengan BN kerana kami yakin kemampuan BN dalam membela nasib kami sebagai pewaris negara," kata anak peniaga pasar malam ini.

Sementara itu Teo Kim Tin, 34, melahirkan rasa terima kasih kepada BN yang disifatkan sebagai kerajaan prihatin kerana mengambil kira keperluan rakyat dari pelbagai aspek terutamanya rakyat berpendapatan rendah.

Ibu kepada tujuh anak ini turut terharu kerana BN tidak pernah jemu memberi sumbangan serta bantuan sebagai tanda pembelaan kepada golongan kurang bernasib baik seperti beliau yang bukan sahaja berpendapatan rendah malah terpaksa menyara anak kelainan upaya (OKU) yang berusia enam tahun.

"Suami saya kerja buruh. Dengan pendapatan kasar RM1,000 sebulan, sudah tentu tidak cukup untuk tanggung anak yang ramai. Tapi hari ini Datuk Chang ada bagi bantuan pada kami," katanya dalam nada terharu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946718>